



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI KOMITED DALAM MERAPATKAN JURANG DIGITAL MENERUSI SISTEM WIRELESS BRIDGING

PUTRAJAYA, 20 November 2024 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berhasrat agar pendekatan dan teknologi yang digunapakai menerusi Sistem Wireless Bridging (WBS) dapat dipertimbangkan secara serius dalam usaha kerajaan merealisasikan aspirasi 100% liputan kelajuan jalur lebar mudah alih menjelang tahun 2025. Pengaplikasian teknologi WBS diyakini memenuhi keperluan masyarakat setempat pada skala yang lebih kecil yang akan melengkapkan visi digitalisasi Malaysia.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang dalam ucapannya pada Sesi Perluasan Capaian Internet Melalui Sistem Wireless Bridging berkata, “Pemasangan sistem WBS yang pantas (kurang daripada 1 bulan) susulan kelulusan pihak berwajib dan proses perolehan yang berkaitan, jelas menunjukkan potensi pelaksanaan sistem ini bagi perluasan capaian internet di kawasan-kawasan yang lebih terpencil dalam usaha merapatkan jurang antara masyarakat bandar dan luar bandar seperti yang telah digariskan oleh elemen kesejahteraan yang menjadi salah satu teras Malaysia MADANI.”

Sistem Wireless Bridging merupakan teknologi penyambungan internet bagi memudahkan komuniti yang ketinggalan (*unserved*) dan terbatas (*underserved*) terutamanya bagi aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdPR) dan aktiviti e-keusahawanan. WBS merupakan penyelesaian yang melengkapi usaha Kerajaan untuk mengurangkan jurang digital di kawasan luar bandar melalui teknologi yang mampu meluaskan capaian internet dari sumber yang sedia ada.

“Selain daripada penggunaan internet satelit, WBS juga boleh diadaptasi untuk memperluaskan sumber internet yang disediakan oleh fasiliti sedia ada seperti di Pusat e-Desa, Pusat Internet Komuniti (PIK) dan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) lantas memperkasa fungsi fasiliti-fasiliti ini dalam memastikan kesalinghubungan digital masyarakat. Kerjasama kolektif merentas kementerian ini justeru akan memastikan pengurusan sumber yang lebih optimum demi kemaslahatan rakyat Malaysia secara menyeluruh,” tambah YB Tuan Chang Lih Kang.

“Dengan kos sebanyak RM300,000 yang merangkumi langganan internet satelit berkelajuan tinggi selama tiga (3) tahun dan pemasangan sistem WBS bagi perluasan capaian internet yang memanfaatkan 158 pelajar, 15 guru serta 480 penduduk di kawasan sekitar, peruntukan yang diperlukan adalah sangat berpatutan jika dibandingkan dengan potensi pulangan nilai (return of value) hasil peningkatan kualiti pembelajaran serta pemudahcaraan aktiviti e-keusahawanan”, ujarnya lagi.

Pada tahun 2022, sebuah projek pembuktian konsep (POC) teknologi WBS oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) bersama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan TM One dengan sokongan MOSTI dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah dilaksanakan di Kampung Pajam, Branang, Selangor. Susulan potensi yang telah ditunjukkan oleh projek pembuktian konsep ini, pelaksanaan sistem WBS telah dicadangkan di Sekolah Kebangsaan Simbuan Tulid, Keningau, Sabah pada tahun 2023 di bawah Inisiatif Segera Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat. Pemilihan lokasi itu atas keunikan lokasinya yang masih dalam proses penerimaan liputan perkhidmatan jalur lebar di bawah inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA).

“Saya amat menghargai komitmen MOSTI bersama Akademi Sains Malaysia (ASM) yang memfokuskan kepada kawasan memerlukan bagi inisiatif WBS. Sudah pasti ini akan memberi peluang kepada penduduk setempat untuk meningkatkan akses kepada teknologi dan maklumat yang sebelum ini mungkin sukar dicapai. Inisiatif ini bukan sahaja membuka jalan kepada kemudahan pembelajaran secara dalam talian, tetapi juga merangsang pertumbuhan ekonomi setempat melalui perniagaan digital serta peluang pekerjaan baharu,” ulas Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan merangkap Ahli Parlimen Pensiangan, Yang Berhormat Datuk Arthur Joseph Kurup.

WBS mendapat sokongan pasukan teknikal daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang diketuai oleh Profesor Madya Dr Ramlee Kamarudin serta SabahNet di bawah penyelarasan Encik Mohamad Sukry Suile. Inisiatif ini juga mendapat kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS).

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
20 NOVEMBER 2024**